

- * **Permohonan yang tidak disertakan bersama dokumen sokongan atau tanpa cop pengesahan (bagi syarat II dan III) akan dianggap tidak lengkap dan tidak akan diproses.**
- * **Tarikh TUTUP Pendaftaran TAWAS adalah pada Hari Ulangtahun ketiga anak. (sebelum umur pemohon tiga tahun).**

Syarat I

Permohonan adalah terbuka kepada **Anak Selangor** yang bermaksud rakyat **D.Y.M.M Sultan Selangor** yang memenuhi kriteria seperti berikut:

- Warganegara Malaysia **DAN**
- Lahir di **Negeri Selangor** atau di **luar Negeri Selangor** mulai 1 Januari 2008, **DAN**
- Belum mencapai usia 3 tahun **DAN**
- Sama ada:-
 - Ibu atau bapa lahir di Negeri Selangor, **ATAU**
 - Ibu atau bapa lahir di Kuala Lumpur sebelum 1 Februari 1974

Syarat II

Permohonan adalah terbuka kepada **Anak yang dilahirkan di Selangor** yang memenuhi kriteria seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia, **DAN**
2. Lahir di **Negeri Selangor** mulai 1 Januari 2008, **DAN**
3. Belum mencapai usia 3 tahun **DAN**
4. Ibu dan bapa bukan kelahiran **Selangor** tetapi telah menetap di **Negeri Selangor** minimum 5 tahun **DAN**
5. Cop pengesahan Taraf mastautin. Cop boleh diambil dari :-
 - Ahli Parlimen Selangor
 - Pusat Khidmat DUN Selangor
 - Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan di kawasan tempat tinggal
 - Penghulu/Ketua Kampung
 - Pengerusi Taman Perumahan/Ketua Blok
 - Ketua Komuniti/Nazir Masjid

Syarat III

1. Warganegara Malaysia, **DAN**
2. Lahir di luar **Negeri Selangor**, daerah negeri lain yang bersempadan dengan negeri Selangor iaitu (Negeri Sembilan, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) yang sama dengan ibu atau bapa mulai 1hb Januari 2008 **DAN**
3. Belum mencapai usia 3 tahun **DAN**
4. **** Ibu atau bapa yang lahir di daerah negeri yang bersempadan dengan Selangor (Negeri Sembilan, Perak, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).**

**** Ini merujuk kepada contoh berikut**

Anak lahir di sempadan Selangor iaitu Negeri Sembilan, DAN; Ibu/Bapa mestilah lahir di Negeri Sembilan (sama dengan anak yang ingin didaftarkan) serta perlulah menetap di Selangor yang beralamat di daerah sempadan yang sama (Negeri Sembilan) dan perlu mendapatkan cop pengesahan mastautin hanya daripada :-

- **Penghulu/Ketua Kampung**
- **Pengerusi Taman Perumahan/Ketua Blok**
- **Ketua Komuniti/Nazir Masjid**

Yayasan Warisan Anak Selangor,

Aras 5, Kompleks Belia Dan Kebudayaan Negeri Selangor,
Lot 4, Jalan Platinum 7/52, Seksyen 7,
Persiaran Kayangan,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

UNTUK KETERANGAN LANJUT SILA BERTAHUBUNG DITALIAN:

TELEFON: 03-5481 8800
FAKSIMILI: 03-5524 2068